



POLISI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (OSH)

1.0 Pengenalan

QL Resources Berhad (“QL” atau “Syarikat”) dan anak-anak syarikatnya (“Kumpulan”) komited untuk menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat dengan menyediakan segala sumber dan perhatian yang diperlukan bagi melindungi pekerja, kontraktor dan mana-mana pihak lain yang terlibat dengan Kumpulan di sepanjang rantai nilai, termasuk pembekal, pelanggan dan orang awam.

Kami melaksanakan langkah-langkah keselamatan dan kesihatan dengan mengekalkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat, pencegahan penyakit atau kecederaan pekerjaan serta pencegahan dan kawalan isu kesihatan global ke tahap serendah yang munasabah secara praktik. Kami mengintegrasikan keselamatan dan kesihatan ke dalam pengurusan perniagaan kami bagi memastikan setiap aktiviti dirancang dan dilaksanakan dengan penekanan terhadap pencegahan semua bentuk kemalangan serta perlindungan terhadap keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan individu di tempat kerja.

2.0 Skop

Polisi ini meliputi:

i. Warga Kerja QL

- Polisi ini meliputi Ahli Lembaga Pengarah QL, sama ada Eksekutif atau Bukan Eksekutif, serta pekerjanya, sama ada tetap atau kontrak, tanpa mengira jawatan atau peranan.
- Semua warga kerja hendaklah mematuhi Polisi ini, semua dasar, prosedur dan proses QL yang lain, serta semua undang-undang yang terpakai dalam melaksanakan tugas mereka.

ii. Rakan Perniagaan QL

- Polisi ini meliputi rakan perniagaan QL, termasuk pembekal, vendor, kontraktor, subkontraktor, perunding, ejen, wakil dan perantara lain yang melaksanakan kerja atau perkhidmatan untuk dan bagi pihak.
- Semua warga kerja, tanpa mengira jawatan atau peranan, bertanggungjawab untuk menyampaikan Polisi ini kepada Rakan Perniagaan mereka.

3.0 Kepimpinan dan Penyertaan

Walaupun keselamatan dan kesihatan merupakan tanggungjawab utama setiap individu, pihak Pengurusan dan para pemimpin hendaklah menunjukkan komitmen yang nyata melalui tindakan dan tingkah laku mereka. QL mengiktiraf peranan kritikal pengurusan kanan dalam memastikan persekitaran kerja yang selamat dan sihat. Sebagai sebahagian yang tidak



terpisah daripada pengurusan perniagaan, pengurus QL di semua peringkat bertanggungjawab dan dipertanggungjawabkan untuk mengurus keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dengan kepimpinan dan kredibiliti yang kukuh.

Pematuhan terhadap prinsip, piawaian dan prosedur keselamatan merupakan syarat pekerjaan. Sebaliknya, pekerja diberi kuasa untuk:

- menegur atau membangkitkan kebimbangan terhadap apa-apa tindakan tidak selamat yang mereka lihat atau percaya sedang berlaku;
- menangguhkan sesuatu tugas sekiranya mereka berpendapat bahawa tahap keselamatan adalah tidak mencukupi, sehingga individu yang kompeten melaksanakan langkah kawalan risiko yang bersesuaian; dan
- bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas dengan cara yang selamat bagi mencegah kecederaan atau kemudaratan terhadap kesihatan diri sendiri, rakan sekerja dan orang lain.

4.0 Komitmen OSH Kami

- Mengurus keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSH) sebagai sebahagian penting daripada operasi kami, dengan mengambil kira keselamatan dan kesihatan warga kerja kami dalam keputusan yang dibuat dan aktiviti yang dilaksanakan;
- Mematuhi dan melebihi keperluan statutori OSH yang berkaitan dan berkuat kuasa;
- Menilai risiko dan impak dalam operasi dan aktiviti kami; melaksanakan langkah mitigasi bagi mengawal bahaya; dan menjalankan audit untuk memantau tahap pematuan dan keberkesanan;
- Menyediakan latihan yang bersesuaian dan membangunkan kemahiran yang diperlukan oleh pekerja kami untuk membina kesedaran serta mengamalkan amalan OSH yang baik;
- Mengajukan kempen dan program keselamatan dan kesihatan bagi mencegah kecederaan serta menangani dan mengawal isu kesihatan global di tempat kerja;
- Melaporkan dan menyiasat semua kemalangan dengan segera, termasuk insiden nyaris yang signifikan, bagi mengenal pasti punca sebenar serta memastikan pengajaran yang diperoleh dikongsikan dan dilaksanakan di seluruh Kumpulan Syarikat;
- Menetapkan petunjuk prestasi utama (KPI) OSH, memantau kemajuan dan menggalakkan penambahbaikan berterusan;
- Berunding dengan pekerja, sekiranya berkenaan, mengenai perancangan dan pelaksanaan OSH serta penilaian prestasi bagi memastikan rangka kerja OSH kekal relevan dan berkesan;
- Mengurus kontraktor selaras dengan Polisi ini; dan
- Meningkatkan piawaian OSH melalui penggunaan teknologi dan inovasi.

5.0 Pengurusan Risiko

Kami komited untuk melaksanakan pengenalanpastian bahaya dan pengurusan risiko melalui penilaian risiko yang bersesuaian serta tindakan susulan bagi meminimumkan risiko yang berpunca daripada bahaya. Kami menyediakan pelan kecemasan dan kontingensi bagi



menangani risiko baki. Pendekatan ini turut meminimumkan risiko kepada perniagaan, sekali gus melindungi kepentingan pemegang saham kami.

Kami juga berusaha untuk memastikan bahawa usaha wajar berkaitan keselamatan dan kesihatan diambil kira semasa menilai operasi, pemerolehan dan projek sedia ada dan baharu kami.

Dengan tempat kerja dan operasi perniagaan yang sentiasa berubah, proses mengenal pasti bahaya dan penilaian risiko berkaitan keselamatan dan kesihatan dilaksanakan di unit perniagaan masing-masing serta disemak secara berkala bagi mengurangkan pendedahan terhadap risiko. Ini termasuk pertimbangan terhadap bahaya dan risiko yang berkaitan dengan peralatan serta projek baharu semasa proses pemerolehan, pemasangan dan operasi.

6.0 Komunikasi, Pendidikan dan Latihan

Kami komited untuk membina budaya keselamatan yang proaktif melalui:

- memacu pelaksanaan dan penambahbaikan berterusan amalan OSH melalui komunikasi bersama pekerja, kontraktor dan pihak berkepentingan lain;
- menyediakan pendidikan, latihan dan sumber yang mencukupi kepada pekerja bagi memastikan mereka mempunyai pengetahuan, kemahiran dan keupayaan untuk mengelakkan keadaan tidak selamat serta memberi respon secara pantas dan berkesan terhadap sebarang kejadian atau kecemasan yang tidak dijangka;
- memberikan latihan dan seminar berkala berhubung amalan keselamatan dan kesihatan bagi meningkatkan kesedaran;
- melaksanakan program kesedaran dan libat urus secara berterusan bersama kontraktor, pembekal dan komuniti bagi memastikan mereka sentiasa peka terhadap kepentingan mengekalkan keselamatan;
- menyediakan maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan yang diperlukan bagi memastikan semua pihak berkepentingan memahami cara bekerja dengan selamat dan sihat di tempat kerja.

7.0 Penambahbaikan Berterusan

Pengurusan OSH kami berteraskan konsep penambahbaikan berterusan. Kami sentiasa meningkatkan prestasi dengan mereka bentuk dan menyesuaikan proses, amalan kerja dan sistem bagi mencapai tahap keselamatan yang lebih baik.

Penambahbaikan kami adalah berdasarkan pemantauan prestasi keselamatan dan kesihatan. Pemantauan ini dilaksanakan melalui analisis terhadap insiden yang mengakibatkan kecederaan serta aktiviti di tempat kerja yang kesan terkumpulnya boleh menyebabkan penyakit.



Kami berusaha untuk memastikan piawaian OSH dalam setiap perniagaan kami setara atau melebihi amalan industri di tempat kami beroperasi. Perkara ini pada asasnya bergantung kepada penghayatan dan penglibatan pekerja kami.

8.0 Kontraktor dan Rantaian Bekalan

Kami berhasrat agar semua pihak yang berurusan dengan kami serta berada dalam ekosistem rantai bekalan kami mematuhi prinsip dan keperluan Polisi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ini, serta mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan dan berkuat kuasa di tempat kami beroperasi.

9.0 Semakan dan Pindaan Polisi

Polisi ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) pada 28 Februari 2024. Polisi ini hendaklah disemak dan dipinda secara berkala oleh Sustainability Working Group sebagai sebahagian daripada komitmen kami untuk memastikan kerelevanan, kecukupan dan keberkesannya. Polisi yang dikemas kini akan dimaklumkan kepada semua pihak berkepentingan yang berkaitan bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan.